

LATIHAN SEJARAH TINGKATAN 5 KSSM

BAB 6: CABARAN SELEPAS PEMBENTUKAN MALAYSIA

**ARAHAN: SILA TEKAN PADA JAWAPAN YANG DIPILIH
DAN JAWAB SEMUA SOALAN**



Kertas 1

Jawab semua soalan.

- 1** Negeri Sabah dan Sarawak menghadapi cabaran sosioekonomi walaupun mempunyai kekayaan hasil bumi yang banyak. Mengapakah keadaan tersebut berlaku?
- A Diabaikan oleh pihak penjajah
 - B Kekurangan tanah untuk pertanian
 - C Bentuk muka bumi yang bergunung-ganang
 - D Penduduk mengamalkan pertanian sara diri

Buku Teks ms. 117

- 2** Maklumat berikut berkaitan dengan cabaran politik di Sarawak.

Pada bulan Jun 1966, 21 orang ahli Council Negri tidak berpuas hati dengan kepimpinan Stephen Kalong Ningkan sebagai Ketua Menteri Sarawak.

- Apakah kesan daripada peristiwa tersebut?
- A Pilihan raya kecil diadakan
 - B Pemberontakan kaum berlaku
 - C Pengisytiharan darurat di Sarawak
 - D Pemansuhan jawatan Ketua Menteri

Buku Teks ms. 118

- 3** Kempen berikut digunakan oleh Lee Kuan Yew.

Malaysian Malaysia

- Mengapakah kempen tersebut menimbulkan keresahan dalam kalangan penduduk?
- A Kuasa rakyat disekat
 - B Tuntutan hak sama rata
 - C Ancaman komunis meningkat
 - D Kemerdekaan negara tergugat

Buku Teks ms. 119

- 4** Mesyuarat berikut telah diadakan atas arahan Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj.

1 Julai 1965

Mesyuarat antara Tun Abdul Razak Hussein bersama beberapa Menteri seperti Dr. Ismail Abdul Rahman, Tan Siew Sin dan V. T. Sambathan

- Apakah perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat tersebut?
- A Pemisahan Singapura
 - B Pembubaran Parlimen
 - C Pembentukan Malaysia
 - D Pengeboman Tugu Negara

Buku Teks ms. 120

- 5** Senarai berikut menunjukkan parti-parti yang telah ditubuhkan di Borneo.

- Parti Komunis Kalimantan Utara (PKKU)
- Pasukan Rakyat Kalimantan Utara (PARAKU)
- Pasukan Gerila Sarawak (PGRS)

Apakah matlamat persatuan-persatuan tersebut?

- A Menjaga hak peribumi
- B Mendapatkan kemerdekaan
- C Membentuk republik komunis
- D Menentang penguasaan ekonomi

Buku Teks ms. 121

- 6** Bagaimanakah kerajaan mengatasi ancaman komunis melalui Perang Saraf?

- A Memberi tawaran pengampunan
- B Mengisytiharkan perintah darurat
- C Menghukum mati anggota komunis
- D Memperbesar pasukan keselamatan

Buku Teks ms. 121

- 7** Mengapakah kerajaan melancarkan Operasi Hammer di Sarawak?

- A Menghentikan rusuhan kaum
- B Melemahkan parti berhaluan kiri
- C Menghapuskan ancaman komunis
- D Menghalang pencerobohan pendatang

Buku Teks ms. 122

- 8** Isu berikut dihadapi oleh negara kita pada awal kemerdekaan.

Kejatuhan harga bahan mentah

Bagaimanakah kerajaan mengatasi masalah tersebut?

- A Menyediakan peluang pekerjaan
- B Menyuntik modal daripada pelabur luar
- C Memperbanyak pengeluaran bijih timah
- D Mempelbagaikan keluaran komoditi negara

Buku Teks ms. 127

9 Antara yang berikut, yang manakah usaha kerajaan bagi mengatasi masalah taraf hidup yang berbeza antara penduduk?

ARAS

- I Menggerakkan aktiviti perkilangan
 - II Mempercepat integrasi penduduk
 - III Menubuhkan pusat Latihan Vokasional
 - IV Menambah baik perkhidmatan kesihatan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

Buku Teks ms. 128

10 Majlis berikut memerintah negara dari 16 Mei 1969 hingga 23 Februari 1971.

Majlis Gerakan Negara (MAGERAN)

Apakah tanggungjawab yang dipikul oleh majlis tersebut?

- A Memajukan ekonomi
- B Mengawal ketenteraman
- C Mengelakkan penjajahan
- D Meningkatkan pembangunan negara

Buku Teks ms. 130



**SELAMAT
MENJAWAB!!!**